



MOHAMED BASIR (memegang replika sumbangan biasiswa) bersama para penerima manfaat di Menara Maybank semalam.

UiTM mendominasi biasiswa Maybank

Oleh **MANIRAH OTHMAN**
manirah@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) menjadi kumpulan terbesar penerima manfaat biasiswa Kumpulan Maybank apabila 24 pelajarnya terpilih di antara 50 penerima.

Setiap pelajar menerima peruntukan RM7,000 setahun dan sebuah komputer riba yang disampaikan oleh

oleh Pengerusi Maybank, Tan Sri Mohamed Basir Ahmad semalam.

Penerima lain ialah empat pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), tujuh pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM), enam pelajar Universiti Malaya (UM) dan seorang pelajar dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Selain itu, lima pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), seorang pelajar Universiti Malaysia Sabah

(UMS) dan dua orang pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) turut menerima biasiswa itu.

Mereka mengikuti kursus Ekonomi, Perakaunan, Pemasaran, Sains Aktuaria, Kewangan, Statistik, Pengurusan Perniagaan dan Pengurusan.

Dalam ucapannya, Mohamad Basir memberitahu, sumbangan itu adalah projek tahunan syarikat sejak 1972 bagi membantu pelajar cemerlang tetapi kurang kemampuan kewangan.

"Maybank telah membiayai lebih 898 penuntut yang belajar di universiti-universiti tempatan dengan sumbangan melebihi RM7.19 juta setakat ini," katanya.

Ketua Bahagian Korporat Sumber Manusia Kumpulan Maybank, Siti Aishah Md. Lasim memberitahu, jumlah keseluruhan penerima tahun ini ialah 75 orang dan bakinya akan diumumkan kemudian kerana ia masih dalam proses saringan.